

PP 10548/8/2007

Prihatin

Berita SPANCO Jilid 1 2007



**FLEET KERAJAAN PERSEKUTUAN:
74% BERUSIA
KURANG DUA TAHUN**



ISBN 1675-1361



3 971673 136103

Pelanggan Nikmati Perlindungan Penuh

Pelanggan SPANCO dilindungi sepenuhnya melalui:



■ INSURANS

Insurans perlindungan komprehensif termasuk pemandu (yang dilantik Kementerian/Jabatan) dan empat penumpang.



■ PUSAT SERVIS DIKTIRAF

Lebih 200 rangkaian Pusat Servis Diiktiraf di seluruh Malaysia disediakan sebagai khidmat sokongan.



■ PEMBAIKAN DAN SENGGARAAN

Dengan kos pembaikan dan senggaraan yang tetap, semua kerja servis dan pembaikan yang dilakukan di Pusat Servis Wilayah dan Pusat Servis Diiktiraf SPANCO tidak dikenakan sebarang bayaran.



■ PROGRAM PENGGANTIAN

Kesemua kereta konsesi diganti melalui program penggantian apabila tempoh pajakan 4-5 tahun yang ditetapkan berakhir.



■ PERKHIDMATAN BANTUAN SERVIS KEROSAKAN

Pelanggan yang mengalami kerosakan kenderaan boleh mendapatkan khidmat bantuan servis kerosakan, termasuk khidmat tunda yang disediakan oleh SPANCO melalui rangkaian pusat servis.



■ SERVIS BERGERAK

Pelanggan boleh mendapatkan servis berjadual di premis mereka tanpa perlu pergi ke pusat servis.



■ KERETA IHSAN/GANTIAN

Khidmat kereta gantian dibekalkan kepada kereta-kereta rasmi bagi kerja servis atau pembaikan yang melebihi 24 jam bekerja.



■ FREE PHONE SPANCO

1-800-88-6999

Pelanggan boleh menghubungi Pusat Kawalan untuk mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat pada bila-bila masa.



■ PERKHIDMATAN 24 JAM

Pusat Servis Wilayah – Batu Caves beroperasi 24 jam.



Pelanggan disarankan untuk memanfaatkan sepenuhnya segala kemudahan yang disediakan.



PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Mubarak Ali Gulam Rasul

Peter Lim

Rusman Bassri

Zulkifli Abd. Aziz

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

2, Jalan Murai Dua

Batu Complex

51100 Kuala Lumpur.

Tel : 03-6253 2888

Faks : 03-6253 0623

emel : prihatin@spanco.com.my

Laman web : www.spanco.com.my

PENCETAK

Percetakan Lai Sdn Bhd

No. 1, Persiaran 2/118C

Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak

Cheras, 56000 Kuala Lumpur.

Tel : 03-9173 1111

Fax : 03-9173 1969


PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

Kami bersedia menerima sebarang bentuk sumbangan karya untuk dipaparkan di dalam majalah PRIHATIN-Berita SPANCO.

Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon penulis. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

kandungan



PERUTUSAN

- 4 Perancangan 2007: Terus Meningkatkan Mutu Perkhidmatan Dan Kecekapan

KORPORAT

- 5 Mubarak Pengurus Besar Komersial Yang Baru
- 6 Fleet Kenderaan: 74% Berusia Kurang Dua Tahun

- 7 SPANCO Pertingkatkan Prasarana IT

- 8 Wazir: Tingkatkan Mutu Dan Kecekapan Demi Pelanggan

PENJAGAAN KERETA

- 10 Penyembur Minyak Wangi Mampu Pecahkan Cermin Kereta
- 10 Servis & Senggaraan: Penjagaan Berjadual Dan Cegahan Jamin Kereta Sempurna

- 13 Pemasangan Sistem NGV Hanya Di Bengkel Berdaftar

- 14 Penyenggaraan Asas Yang Mudah Untuk Diamalkan

KESELAMATAN

- 16 Statistik Kemalangan Fleet: Kadar Masih Tinggi

- 18 Saman: Kesalahan Had Laju Masih Berleluasa

- 19 Kenali Undang-Undang

- 20 Ops Sikap XII Berjaya Kurangkan Kematian

- 21 Tabiat Buruk Yang Perlu Dijauhi Oleh Para Pemandu Baru

- 22 MIROS Mula Beroperasi

**BARISAN PENASIHAT
SERVIS - BATU CAVES**



Shaiful Azhar Maarup
Eksekutif Servis



Gunasekaran D. Sellapan
Penasihat Servis



Anthony Diffon S. Felix
Penasihat Servis



Zamri Maakup
Penasihat Servis



Ahmad Zuhri Ikmal
Ahmad Zahar
Penasihat Servis



Farid Firhan
Mohammad Fizwan
Penasihat Servis

PERANCANGAN 2007

**TERUS MENINGKATKAN
MUTU PERKHIDMATAN
DAN KECEKAPAN**

PENGALAMAN lebih 12 tahun mengendalikan dan menguruskan kereta konsesi Kerajaan Persekutuan Malaysia tidak pernah menjadikan SPANCO leka dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik. Kami akan terus berusaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan menandingi arus perubahan teknologi pemotoran terkini seiring era globalisasi yang semakin mencabar.

Beberapa perancangan telah disusun untuk tahun 2007 bagi mencapai matlamat itu.

Pertama: Membuat perancangan awal penyediaan kenderaan bagi penggantian kereta yang akan tamat pajakan pada 2007 yang berjumlah 528 unit dan jangkaan pembekalan bagi pesanan kereta baru yang dianggarkan melebihi 150 unit.

Kedua: Menyusun perancangan untuk menganjurkan Persidangan Pemandu bersama Unit Kemudahan Kereta, Kementerian Kewangan yang akan melibatkan pemandu-pemandu Kerajaan dari seluruh Malaysia. Dianggarkan 300 peserta akan dijemput ke setiap persidangan yang turut disertai JPJ, PDRM serta JKJR untuk memberi pendedahan berkenaan kesedaran pemanduan berhemah dan jati diri.

Di samping itu, peserta turut berpeluang untuk berdialog bagi menyuarakan keraguan dan kesulitan yang dihadapi berhubung pengurusan fleet mereka. Melalui persidangan tersebut juga, SPANCO berharap kesedaran dan kefahaman yang dapat dicapai akan membantu mengurangkan jumlah kemalangan dan saman.

Ketiga: Melaksanakan pesanan kenderaan secara elektronik (*Electronic Vehicle Order*) atau 'e-VO'. Kementerian dan Jabatan kelak boleh membuat pesanan kenderaan melalui Internet (*paperless transaction*). Ia secara tidak langsung dapat mengelak kelewatan permohonan pesanan kenderaan. Perkara ini masih di peringkat perbincangan dengan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.

Keempat: Mempertingkatkan infrastruktur teknologi maklumat (IT) melalui pelaburan untuk perisian dan sistem maklumat pengurusan fleet yang terbaru. Pelaburan lebih RM1

juta ini bermakna, sebahagian keuntungan dipulangkan semula kepada pelanggan bagi meningkatkan tahap perkhidmatan SPANCO.

Sementara itu kesukaran dalam me-

lupakan kereta-kereta terpakai yang tamat tempoh pajakan merupakan cabaran terbesar bagi SPANCO buat masa ini. Ia telah memberi kesan utama ke atas keuntungan dan aliran tunai yang menyokong perniagaan. Walau bagaimanapun SPANCO akan terus menumpukan perhatian terhadap memperbaiki kecekapan kos untuk mengatasi masalah ini.

SPANCO berharap kesedaran dan kefahaman yang dapat dicapai akan membantu mengurangkan jumlah kemalangan dan saman.

Dato' Hamzah Mohd Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

MUBARAK Pengurus Besar Komersial Yang Baru

SPANCO Sdn Bhd telah melantik Mubarak Ali Gulam Rasul sebagai Pengurus Besar Bahagian Komersial yang baru berkuat kuasa 14 Mac 2007.

Encik Mubarak, 39 tahun memiliki kelulusan MBA dalam Pengurusan Am serta berpengalaman luas dalam bidang kewangan dan operasi. Beliau pernah memegang beberapa jawatan penting sebelum ini, antaranya sebagai pengurus operasi di United Parcel Service selama 12 tahun dan pengurus pengurusan sumber di MAskargo selama dua tahun.

Sebelum menyertai SPANCO, Encik Mubarak adalah Ketua Kargo di KL Airport Services dan Pengurus Kanan di dalam syarikat pengurusan sisa pepejal, iaitu Alam Flora selama lebih lima tahun.

Dilahir dan dibesarkan di Kuala Lumpur, anak keempat daripada tujuh orang adik-beradik ini sudah pun berumah tangga dan mempunyai tiga orang cahaya mata. Aktiviti kegemaran pada masa lapang ialah bersiar-siar bersama keluarga, berkebun dan bersenam.

Selaku Pengurus Besar - Komersial, Encik Mubarak akan memainkan peranan utama bersama barisan hadapan SPANCO. Tanggungjawab beliau merangkumi khidmat pelanggan, pembekalan serta pemasaran dan pembangunan perniagaan.

Berkenaan perkhidmatan pelanggan atau *customer service*, Encik Mubarak mempunyai prinsip yang mudah: beliau percaya bahawa memuaskan hati pelanggan sahaja tidak mencukupi tetapi mesti mengembirakan hati mereka (*delighting the customer*).

Perkhidmatan yang sempurna selain mengembirakan itu merupakan kunci dalam menghadapi persaingan perniagaan yang bertambah sengit serta kehendak pe-

langgan yang semakin meningkat pada hari ini.

Encik Mubarak menjelaskan: "Untuk membezakan daripada organisasi yang lain, apa yang kita perlu lakukan ialah menimbulkan perasaan puas dan gembira di hati pelanggan setiap masa. Ini termasuk menyambut baik setiap maklum balas dan aduan mereka; ia mesti diterima sebagai 'hadiah' dan tindakan susulan mestilah diambil serta-merta."

Untuk membezakan daripada organisasi yang lain, apa yang kita perlu lakukan ialah menimbulkan perasaan puas dan gembira di hati pelanggan setiap masa.

Dalam pengurusan, beliau tidak dapat menerima 'TIDAK ATAU TAK TAHU' sebagai jawapan. Selain itu, beliau mengamalkan prinsip bekerja dengan semua lapisan dan paling penting adalah untuk 'turun padang' bagi mengetahui apa sebenarnya yang berlaku.

Encik Mubarak juga menganggap apa jua masalah mahupun cabaran boleh ditukarkan kepada peluang (*opportunity*). Beliau sentiasa memberi dorongan kepada dirinya sendiri dengan cara memantau kemajuan setelah melaksanakan perubahan.

Sementara itu sasaran beliau sebagai Pengurus Besar - Komersial adalah untuk memastikan penyerahan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan SPANCO pada tahap 100% dan seterusnya mengekalkan pencapaian itu secara konsisten.

Encik Mubarak kini sedang giat mempelajari selok-belok pengurusan fleet kenderaan. Bagi tujuan itu, beliau menyambut baik sebarang cadangan terutama daripada pihak pelanggan ke arah mempertingkatkan mutu perkhidmatan.

Pelanggan boleh menghubunginya di pejabat beliau di Pusat Servis Wilayah di Batu Caves.



SEDIA MENDENGAR...

Encik Mubarak mengalu-alukan sebarang cadangan dalam mempertingkatkan lagi tahap perkhidmatan pengurusan fleet.


Fleet Kenderaan: 74% BERUSIA KURANG DUA TAHUN

Jumlah fleet kereta konsesi bagi fleet Kerajaan Persekutuan yang diuruskan oleh SPANCO terus bertambah setiap tahun seiring keperluan dan komitmen Kerajaan Malaysia.

- Saiz fleet kereta konsesi pada 31 Disember 2006 adalah 5,591 unit (31 Disember 2005 : 5,089 unit).
- Sebanyak 1,574 unit kereta konsesi dibekalkan dan 1,072

unit kereta konsesi ditamatkan pajakan dalam 2006.

- 74% dari jumlah keseluruhan fleet kereta konsesi SPANCO berusia di bawah 2 tahun.
- Semua kereta konsesi akan melalui kitaran penggantian untuk setiap 4 tahun bagi kereta rasmi dan 5 tahun bagi kereta jabatan. SPANCO sering mengingatkan Kementerian/Jabatan untuk mengemukakan borang pesanan kenderaan dengan segera bagi mengelakkan kelewatan penggantian kereta konsesi.



BARU... 74% daripada keseluruhan Fleet Kerajaan Persekutuan pada 2006 berusia tidak lebih dari 2 tahun.

SAIZ FLEET

JENIS/BUATAN	USIA KERETA (TAHUN)						JUMLAH
	1	2	3	4	5	>5	
Perdana Exe	88	75	141	30	10	0	344
Perdana Std	482	253	287	141	2	0	1,165
W/Chancellor	4	0	0	0	0	0	4
P/Waja 1.6	61	213	22	8	16	0	320
P/Wira 1.5	552	1,523	277	150	247	19	2,768
P/Iswara 1.5	379	486	25	28	65	7	990
Jumlah	1,566	2,550	752	357	340	26	5,591



SPANCO pertingkatkan prasarana IT

Mempertingkatkan perkhidmatan melalui teknologi maklumat

PELABURAN TEKNOLOGI... Lebih RM6 juta dibelanjakan oleh SPANCO untuk teknologi dan sistem setakat ini.



SISTEM dan perisian maklumat pengurusan fleet yang baru kini sedang dilaksanakan di SPANCO sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mempertingkatkan tahap perkhidmatan melalui teknologi maklumat atau IT.

Peningkatan prasarana IT dalam bentuk sistem yang lebih berpusat akan memberi manfaat kepada operasi dalaman SPANCO melalui keberkesanan operasi dan kaedah kawalan yang diperbaiki.

Selain mengguna pakai amalan dan kawalan Pengurusan Fleet antarabangsa, sistem tunggal yang baru itu juga memiliki pencapaian teknologi yang terkini. Ia turut menyatukan ciri-ciri yang dibangunkan sendiri oleh SPANCO sepanjang 12 tahun menguruskan fleet Kerajaan Persekutuan.

Sistem baru yang dibekalkan oleh syarikat yang berpangkalan di United Kingdom itu telah memenangi anugerah 'Fleet Excellence' bagi Perisian Fleet Terbaik sebanyak empat kali, satu pencapaian yang tiada pendahulunya. Ia turut meme-

nangi anugerah 'Green Fleet Award for Best Communications and IT Solutions' untuk 2006.

Agensi Perkhidmatan Kenderaan dan Operasi atau VOSA secara rasminya mengiktiraf perisian ini sebagai memenuhi syarat yang ditetapkan dalam 'Guide to Maintaining Road Worthiness' di UK.

Walaupun pelanggan SPANCO tidak akan merasakan faedah perubahan ini secara langsung, mereka dijamin bahawa tahap perkhidmatan yang diterima akan lebih dipertingkatkan melalui pelaksanaan baru ini.

Pelanggan juga boleh terus menikmati sokongan pengurusan fleet dalam talian yang disediakan melalui laman web rasmi SPANCO di www.spanco.com.my.

Pelaksanaan sistem baru ini melibatkan semua rakan sekerja utama di semua bahagian operasi di SPANCO. Pelaksanaan bermula pada bulan Disember 2006 dan dijangka selesai menjelang Mei tahun ini.

Pembekal sistem baru ini merupakan peneraju pasaran dalam

membekalkan sistem perniagaan pengurusan fleet. Rangkaian pelanggannya termasuklah fleet pasukan polis, bomba, penguat kuasa kerajaan tempatan dan pasaran fleet swasta di UK.

Selain mengguna pakai amalan dan kawalan Pengurusan Fleet antarabangsa, sistem tunggal yang baru itu juga memiliki pencapaian teknologi yang terkini.

SPANCO berbangga berurusan dengan yang terbaik di pasaran. Syarikat komited untuk memberikan yang terbaik dalam pengurusan fleet dengan terus melabur dalam infrastrukturnya demi memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan.

Peningkatan teknologi dan kelengkapan yang berterusan juga adalah sebahagian dari strategi untuk meningkatkan persaingan pada peringkat global.

WAZIR: TINGKATKAN MUTU DAN KECEKAPAN DEMI PELANGGAN



WAZIR... Pelanggan harus menghargai dan memanfaatkan kereta yang disediakan dengan menjaganya sebaik mungkin.

ORANGNYA sentiasa tenang dan sabar tetapi tegas serta berdedikasi. Pelanggan SPANCO mungkin pernah bersua beliau sebelum ini di majlis-majlis taklimat penjagaan asas kenderaan yang dianjurkan dari semasa ke semasa.

Penolong Pengurus Woksyop Batu Caves, Mohd Wazir bin Ahmad Kassim adalah wajah yang tidak asing lagi di SPANCO. Beliau menyertai Pengurusan Fleet SPANCO lebih 10 tahun lalu dan sudah menceburi bidang pembaikan automotif sejak sebelum itu lagi.

PENDIDIKAN

Anak jati Perak ini dilahirkan di Kg. Ulu Kuang Chemor pada 2 Oktober 1972. Beliau merupakan anak bongsu daripada lapan orang adik-beradik. Telah berumah tangga sejak 1996 dan kini masih belum mempunyai rezeki untuk menimang cahaya mata. Selain minat bersukan beliau juga gemar melancong.

Beliau membesar dan menamatkan sekolah rendah di Kg. Ulu Kuang dan meneruskan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Aminuddin Baki, Chemor sehingga tingkatan 3. Seterusnya beliau meneruskan pendidikan di Sekolah Menengah Teknik, Ipoh.

Sejurus menamatkan persekolahan tingkatan 5, Encik Wazir telah menyambung pelajaran di Politeknik Ungku Omar, Ipoh dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal.

Sesudah tamat pengajian, beliau kemudian mendapat tawaran untuk berkhidmat di salah sebuah syarikat pembuat tayar tempatan di Taiping, iaitu Silverstone Tyre & Co. Sdn Bhd, di mana beliau menimba pengalaman hampir empat tahun sebagai Juruteknik Mekanikal.

MELANJUTKAN PELAJARAN

Demi memajukan diri, Encik Wazir seterusnya bertekad untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang BTEC-HND Mechatronic di Solihull College, United Kingdom.

Pada ketika itu, tidak ramai anak Melayu yang mengambil jurusan Mechatronic, iaitu sebuah bidang yang mengkhususkan kepada kajian kejuruteraan mekanikal dan elektronik.

Sekembali ke Malaysia pada 1997, beliau telah diterima untuk berkhidmat di SPANCO Services Sdn Bhd dengan bermula sebagai Jurutera Pelatih, kemudian Eksekutif Kanan dan seterusnya Penolong Pengurus di Jabatan Kawalan Kualiti & Teknikal sebelum mengambil

alih jawatan sebagai Penolong Pengurus Woksyop pada akhir 2005.

PERANAN

Selaku Penolong Pengurus Woksyop, Encik Wazir berperanan memastikan semua pelanggan yang berurusan dengan SPANCO sentiasa mendapat kepuasan dengan layanan

Encik Wazir berperanan memastikan semua pelanggan yang berurusan dengan SPANCO sentiasa mendapat kepuasan dengan layanan dan perkhidmatan yang terbaik.

dan perkhidmatan yang terbaik.

Di samping itu beliau juga bertanggungjawab mentadbir dan menyelia operasi woksyop iaitu memastikan kadar produktiviti dan efisiensi yang maksimum supaya semua kereta yang menjalani perkhidmatan dapat disiapkan dengan pantas serta berkualiti selaras dengan prosedur yang ditetapkan oleh ISO.

Turut menjadi tanggungjawab beliau adalah rakan sekerja di bawahnya seramai 38 orang yang terdiri daripada Penasihat Servis, Mekanik,

Pemandu, Eksekutif dan Kerani Pentadbiran di mana disiplin, latihan kemahiran dan juga kebajikan sering diberi keutamaan.

Selain sebagai Penolong Pengurus di Woksyp, beliau turut bertanggungjawab ke atas soal keselamatan dan kesihatan rakan sekerja di SPANCO, Batu Caves selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Pengalaman semasa bekerja di Silverstone dan juga memegang tanggungjawab di Jabatan Teknikal SPANCO banyak membantu memudahkan beliau menguruskan operasi woksyp dengan lancar.

PRINSIP KERJA

Sejak di bangku sekolah hingga ke alam pekerjaan, Encik Wazir tidak pernah lupa akan prinsip yang dipegangnya selama ini iaitu amanah dalam menjalankan tanggungjawab dan sentiasa mengutamakan kualiti serta komited dengan segala tugas yang diberikan.

Apabila pelanggan menghargai perkhidmatan yang diberikan dan memberi kepercayaan sepenuhnya dalam pengendalian kenderaan yang dihantar untuk diservis, sudah tentunya menjadi pengalaman yang paling berharga sekali buat sesiapa sahaja.

Cabaran yang seterusnya ialah untuk mengekal dan sentiasa

meningkatkan tahap piawaian keupayaan pelanggan. Untuk itu, sokongan daripada rakan-rakan sekerja yang sentiasa bekerjasama dalam menyelesaikan setiap cabaran yang dihadapi sangat diperlukan.

Manakala matlamat beliau seterusnya ialah untuk membantu meningkatkan kadar peratusan keupayaan (kebolegunaan) kereta-kereta SPANCO daripada 97% kepada 98% dengan memastikan kereta-kereta yang dihantar untuk diservis atau pembaikan dapat disediakan dengan cepat dan berkualiti serta tiada kerja berulang (*comeback job*).

Menyentuh mengenai kenangan bersama SPANCO, kejayaan melaksanakan tanggungjawab mendapatkan pengiktirafan ISO bagi SPANCO Services merupakan pencapaian yang paling bermakna sekali buat beliau.

Beliau adalah antara rakan sekerja yang berperanan dalam penyediaan, pelaksanaan dan pengiktirafan ISO9001:2000 selain perancangan pelan susun atur Pusat Servis Batu Caves dan koordinasi serta penyeliaan proses perpindahan peralatan dan kenderaan dari Segambut ke Batu Caves.

Seterusnya, beliau berharap suatu hari kelak akan diberikan kepercayaan untuk menguruskan sebuah Pusat Servis yang mendapat pengiktirafan antarabangsa baik dari

segi perkhidmatan pelanggan mahupun kualiti servis yang cemerlang.

NASIHAT

Dalam melaksanakan tugas harian, Encik Wazir kerap berurusan dengan rangkaian pembekal dan pusat servis yang lain. Kepada mereka, beliau menyarankan supaya memberikan komitmen yang tinggi dalam memastikan pembaikan kereta-kereta mengikut piawaian

Manakala matlamat beliau seterusnya ialah untuk membantu meningkatkan kadar peratusan keupayaan (kebolegunaan) kereta-kereta SPANCO daripada 97% kepada 98% dengan memastikan kereta-kereta yang dihantar untuk diservis atau pembaikan dapat disediakan dengan cepat dan berkualiti serta tiada kerja berulang (comeback job).



SEDIA MEMBANTU... Seorang pelanggan sedang berurusan di kaunter perkhidmatan di PSW Batu Caves.

yang ditetapkan oleh SPANCO.

Kepada pelanggan-pelanggan pula, beliau meminta agar menghargai dan memanfaatkan kereta yang disediakan dengan menjaganya sebaik mungkin supaya kadar keupayaan kereta tersebut sentiasa mencapai tahap yang maksimum di samping SPANCO yang sentiasa sedia memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Kepada mereka yang menghantar kenderaan untuk diservis di Pusat Servis Wilayah, Batu Caves, mungkin akan berurusan dengan Encik Wazir secara langsung atau tidak. Apa pun, pelanggan boleh bertemunya di sana untuk mengajukan sebarang pertanyaan mahupun kemusykilan mengenai perkhidmatan yang disediakan.

PENYEMBUR MINYAK WANGI

Mampu Pecahkan Cermin Kereta

AWAS! Jangan simpan bekas yang mengandungi bahan di bawah tekanan gas di dalam kenderaan anda kerana cuaca panas melampau boleh menyebabkan tekanan udara di dalamnya menjadi terlalu tinggi lalu meledak.

PECAH... Beginilah akibatnya apabila sebuah tin penyembur minyak wangi meletup lalu melantun dan memecahkan cermin belakang kereta yang diletakkan lebih tiga jam di bawah cuaca panas terik. Mujurlah tiada sebarang kecederaan dilaporkan dalam kejadian jam 2 petang pada 30 Januari yang lalu itu.



Servis & Senggaraan:


PENJAGAAN BERJADUAL DAN CEGAHAN JAMIN KERETA SEMPURNA



Sebuah Perdana V6 yang telah dipasang dengan 'Automatic Transmission Oil Cooler'.



ANALISIS JUMLAH KEROSAKAN TRANSMISI AUTOMATIK PROTON PERDANA MENGIKUT TAHUN



S PANCO tetap meneruskan usaha untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan walaupun terpaksa menampung pertambahan jumlah kenderaan dengan pulangan yang lebih rendah.

- Kadar keupayaan kereta konsesi yang boleh digerakkan pada sesuatu masa bagi keseluruhan fleet konsesi dalam tahun 2006 adalah 96.9%. Kadar peratusan yang tinggi ini dicapai melalui program senggaraan berjadual dan cegahan yang diamalkan oleh SPANCO.
- Atas usaha berterusan SPANCO dalam menangani masalah kerosakan transmisi automatik pada model Proton Perdana, mulai Februari 2006, PROTON telah memasang alat 'Automatic Transmission Oil Cooler' pada setiap pengeluaran. Sehingga Disember 2006, hanya 4 kerosakan yang dicatat ke atas 613 kereta Proton Perdana baru yang dibekalkan oleh pembekal.
- Dengan kerjasama PROTON, SPANCO telah turut mengambil inisiatif memasang alat tersebut ke atas semua kereta konsesi Proton Perdana. SPANCO masih memantau perkara ini.
- SPANCO menyediakan perkhidmatan servis yang beroperasi 24 jam di Pusat Servis Wilayah di Batu Caves dengan dilengkapi

peralatan yang terkini dan pekerja yang mahir dan bertauliah.

Mutu Perkhidmatan

SPANCO mewajibkan setiap kereta menjalani servis secara berjadual selain alat ganti yang digunakan adalah tulen.

- Pemeriksaan dilakukan setiap 10,000 kilometer seperti yang disyorkan oleh PROTON.
- Mengamalkan sistem senggaraan cegahan yang terbukti dapat mengurangkan kerosakan dan meningkatkan tahap keupayaan boleh gerak untuk sesebuah kenderaan.


- Servis cegahan yang diamalkan secara menyeluruh.
- Alat ganti ditukar secara berjadual, antaranya bateri setiap 40,000km, minyak pelincir dan penapis setiap 10,000km, bendalir transmisi setiap 20,000km diikuti penapis transmisi setiap 40,000km dan tali sawat penjarangan setiap 100,000km.

Kereta Tunggusedia

SPANCO telah mengambil inisiatif menyediakan 50 unit kereta tunggusedia untuk pelanggan kereta rasmi yang menjalani kerja pembaikan melebihi 24 jam.

- Kebanyakan kereta tunggusedia digunakan untuk pembaikan kemalangan dan masalah kerosakan transmisi automatik yang mengambil masa agak lama (2 – 3 minggu).
- Peningkatan jumlah kemalangan secara langsung mengurangkan stok kereta tunggusedia sehingga adakalanya pada sesuatu ketika, tiada kereta ganti dapat dibekalkan kepada pelanggan.
- Kitaran penggunaan kereta tunggusedia amat terhad disebabkan perkara-perkara berikut:
 - Kelewatan pelanggan memulangkan kereta tunggusedia (dalam tempoh 8 jam) se-

ANALISIS KOS PEMBAIKAN TRANSMISI AUTOMATIK MENGIKUT TAHUN



telah kereta rasmi siap di-baiki.

- Kereta tunggusedia dipu- langkan dalam keadaan tidak memuaskan, seperti aksesori tidak lengkap dan calar atau kemik.
- Kerja baik pulih perlu dibuat ke atas kereta tunggusedia sebelum dapat diagihkan kepada pelanggan lain yang memerlukan.
- SPANCO mengenakan caj harian bagi kelewatan pemulan- gan kereta tunggusedia oleh pelanggan kereta rasmi.

Pusat Servis Diiktiraf SPANCO

- SPANCO menyediakan perkhid- matan servis yang beroperasi 24 jam di Pusat Servis Wilayah Batu Caves.
- Di samping itu, SPANCO turut menyediakan Pusat Servis Wilayah di Bangi dan rangkaian 217 Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia yang mem- bekalkan khidmat sokongan bagi menyenggara kereta-kereta konsesi terutama di luar Lem- bah Klang.
- SPANCO hanya mengiktiraf pusat servis yang efisien dan berwibawa sebagai Pusat Servis Diiktiraf serta senantiasa mel- neliti dan memantau prestasi

keseluruhan PSD. Maklum balas daripada pihak pelanggan juga dialu- alukan bagi memastikan mutu kerja PSD pada tahap yang memuaskan.

- Pelantikan Rangkaian Pusat Servis Diiktiraf di seluruh negara mem- bolehkan SPANCO mengagihkan kerja-kerja penyenggaraan kepada pengusaha-pengusaha bengkel persendirian, seterusnya penda- patan dari projek penswastaaan fleet konsesi dapat dikongsi bersama.
- Peluang pekerjaan juga diwujudkan terutama di kalangan pengusaha bengkel Bumiputera dengan 51% daripada Rangkaian Pusat Servis Diiktiraf adalah milik Bumiputera (Bumiputera – 109; Bukan Bumi- putera – 108).

- SPANCO sentiasa menyokong dasar Kerajaan untuk meng- galakkan penyertaan Bumiput- era di dalam sektor perindustri- an dengan melantik lebih ramai daripada kalangan mereka ke dalam Rangkaian Pusat Servis Diiktiraf.

SPANCO telah mengambil inisiatif menyediakan 50 unit kereta tunggusedia untuk pelanggan kereta rasmi yang menjalani kerja pembaikan melebihi 24 jam.



TULEN... SPANCO mewajibkan setiap alat ganti yang digunakan pada kereta konsesi adalah tulen.

TABURAN PUSAT SERVIS SPANCO MENGIKUT NEGERI (2006)

NEGERI			
Johor	25	Perak	20
Kedah	21	Perlis	2
Kelantan	12	Sabah	16
Melaka	7	Sarawak	16
Negeri Sembilan	15	Selangor	28*
Pulau Pinang	11	Terengganu	11
Pahang	22	Wilayah Persekutuan	
Wilayah Persekutuan Labuan	4	Kuala Lumpur	9
JUMLAH BESAR			219

* Nota: Termasuk 2 Pusat Servis Wilayah SPANCO (Batu Caves dan Bangi)

Pemasangan Sistem NGV

hanya di bengkel berdaftar

PENGGUNAAN gas asli untuk kenderaan atau NGV kini semakin popular. Walaupun pemasangan sistem NGV memerlukan perbelanjaan permulaan yang agak tinggi, namun ia dikatakan mampu menjimatkan penggunaan bahan api sehingga separuh.

Bagaimanapun tidak semua pusat servis dibenarkan untuk memasang sistem itu.

Pemilik kereta di Malaysia hanya boleh memasangnya di bengkel yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), demikian menurut Pengarah Teknikal JPJ Encik Zahamail Omar.

Katanya lagi terdapat 41 buah bengkel berdaftar di negara ini dan semuanya dibenarkan untuk memasang sistem untuk semua jenis kenderaan termasuk kereta per-sendirian.

Encik Zahamail menambah bahawa bengkel-bengkel ini diwajibkan mempunyai sekurang-kurangnya seorang juruteknik yang memiliki Sijil Kemahiran Malaysia yang dikeluarkan oleh Pusat Latihan Vokasional Kebangsaan.

Selepas kenderaan dipasang dengan sistem gas asli, bengkel akan mengeluarkan sijil pemasangan Gas Asli untuk Kenderaan bagi kereta tersebut. Selepas sijil dikeluarkan, kereta dikehendaki menjalani pemeriksaan PUSPAKOM.

Langkah seterusnya melibatkan kemas kini rekod JPJ di mana kereta akan didaftar sebagai kenderaan gas asli. Cukai jalan yang baru


turut dikeluarkan.

JPJ men-takrifkan NGV sebagai kenderaan dengan sistem pembakaran dua bahan api iaitu petrol dan gas asli. Jika kereta menggunakan sistem gas sepenuhnya, akan menerima pengurangan cukai jalan sebanyak 50 peratus manakala bagi kombinasi gas dan petrol pula mendapat pengurangan sebanyak 25 peratus.

Jika kereta menggunakan sistem gas sepenuhnya, akan menerima pengurangan cukai jalan sebanyak 50 peratus manakala bagi kombinasi gas dan petrol pula mendapat pengurangan sebanyak 25 peratus.

Semua kereta NGV wajib menggunakan sistem yang diluluskan oleh Institut Kajian Piawaian dan Industri Malaysia (SIRIM).

'Semua peralatan perlu diluluskan oleh SIRIM dan tangki gas pula perlu mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja sebelum ia boleh dipasang kepada kenderaan. Ini bagi memastikan silinder dan sistem selamat untuk digunakan,' kata Encik Zahamail.



BERBALOI... Penggunaan NGV dikatakan mampu menjimatkan perbelanjaan bahan api sehingga separuh.

PRASARANA SOKONGAN

Sementara itu syarikat-syarikat minyak turut memberikan sokongan terhadap penggunaan NGV apabila mereka bersetuju untuk membina lebih banyak stesen NGV.

PETRONAS sebagai pembekal utama gas asli untuk kenderaan telah mengorak langkah dengan menambah bilangan pam gas di kebanyakan stesen PETRONAS.

Manakala Shell sebagai penjual runcit bagi gas asli mampat (CNG) juga bersedia meningkatkan lagi sistem pengagihan. Syarikat itu sedang menimbang untuk menambah pelaburannya dalam prasarana logistik dan rangkaian bagi membekalkan bahan api bertekanan tinggi seperti CNG secara komersial dan selamat.

Pengendali stesen Caltex, Chevron Malaysia Ltd pula berkata ia sedang berbincang dengan Kerajaan tentang operasi perniagaan NGV di Malaysia. Salah seorang pengurusnya, Encik Mokhtar Ali Ismail berkata Chevron Malaysia mempunyai sebuah pasukan khas yang bekerjasama dengan Kerajaan untuk menilai kebolehlaksanaan dan daya maju perniagaan.

(Sumber: The Malay Mail)

Penyenggaraan asas yang mudah untuk diamatkan

Bagi yang sudah pun mengetahuinya, paparan panduan penjagaan asas berikut sekadar mengingatkan semula akan amalan yang kadangkala mungkin tidak sengaja diabaikan

MELAKUKAN penyenggaraan asas kereta adalah amalan yang menguntungkan setiap pemilik dan pemandu kereta. Ia bukan sahaja menjimatkan wang ringgit tetapi juga masa dan tenaga kerana kerosakan yang lebih besar mampu dihindarkan semasa perjalanan. Tambahan pula penjagaan asas seperti memeriksa minyak enjin, tekanan tayar serta keadaan brek tidak sukar dan cuma memerlukan sedikit masa untuk dilakukan.


• BATERI

Pastikan paras air bateri cukup dan terminal dibersihkan. Untuk bateri bebas senggaraan (*maintenance-free*), periksa penunjuk bateri iaitu warna hijau menandakan ia masih dalam keadaan sihat manakala jernih pula bermakna bateri perlu dicas semula.

Jangan biarkan kereta tidak dihidupkan dalam masa yang lama kerana kuasa bateri akan cepat susut jika tidak digunakan.

• TAYAR

Pastikan angin tayar mencukupi. Tekanan berlebihan atau kurang akan melemahkan kuasa cengkaman dan kestabilan kenderaan ketika bergerak. Tayar ganti juga mesti dalam keadaan baik.



• MINYAK ENJIN

Kekurangan minyak pelincir boleh menyebabkan kerosakan teruk pada enjin. Gunakan spesifikasi yang betul dan pastikan paras sentiasa di antara tahap maksimum dan minimum pada batang celup.

• BREK

Brek amat penting untuk keselamatan dan jika tidak berfungsi, boleh membahayakan pemandu, penumpang dan pengguna jalan raya yang lain. Apabila ditekan, brek sepatutnya boleh memberhentikan kenderaan dengan baik tanpa berbunyi atau memesongkan kenderaan.



• RADIATOR

Bahan penyejuk yang tidak cukup boleh menyebabkan enjin terlampau panas dalam cuaca yang tidak menentu. Pastikan anda memeriksa radiator hanya apabila enjin kenderaan berada dalam keadaan sejuk. Tahap bahan penyejuk mesti di antara paras minimum dan maksimum pada tangki simpanan.

• LAMPU ISYARAT DAN BREK


Lampu yang berfungsi sempurna akan mengurangkan risiko kemalangan. Lampu isyarat membantu pemandu lain melihat arah pergerakan kenderaan anda manakala lampu brek pula memberitahu mereka bahawa anda sedang memperlambatkan kenderaan.

• LAMPU HADAPAN/BELAKANG

Cahaya lampu yang terang dapat menjamin keselamatan terutama pada waktu malam. Ia membantu anda melihat jalan di hadapan selain pemandu lain melihat anda.

• PENGELAP CERMIN

Periksa pengelap cermin anda tiga bulan sekali dan pastikan ia berfungsi dengan baik terutama pada waktu hujan lebat.



• CECAIR PEMBERSIH

Cecair pembersih adalah lebih berkesan jika dibandingkan dengan air biasa untuk membersihkan cermin hadapan daripada debu, garam, gris dan kotoran apabila memandu dalam cuaca buruk.

• ALAT NYAH KABUS

Alat nyah kabus membantu pemanduan yang selesa terutama dalam cuaca sejuk yang boleh mengakibatkan bahagian dalam cermin berkabus.

• TANGKI PENUH

Memandu dengan tangki minyak yang penuh adalah lebih selamat jika ingin berjalan jauh atau memandu di kawasan yang anda kurang pasti. Ia dapat menjimatkan masa jika anda tersesat atau tidak dapat mencari stesen minyak.



• LAMPU KECEMASAN



Hidupkan lampu kecemasan jika anda berhenti di lorong kecemasan.

• LAMPU KABUS

Posisinya yang lebih rendah daripada lampu hadapan menjadikan lampu kabus sesuai untuk menyuluh jalan di hadapan dalam kabus yang tebal. Jangan gunakan lampu tinggi apabila melalui kawasan berkabus kerana kabus akan memantulkan cahaya yang menyilaukan.

• KABEL PELOMPAT

Amat mustahak sekiranya bateri anda mati. Pasang kabel dengan susunan yang tertib untuk mengelak letupan atau kebakaran: sambungkan kabel merah dari terminal positif bateri anda yang tidak bercas ke terminal positif bateri yang bercas. Kabel hitam pula disambungkan dari terminal negatif bateri yang bercas ke terminal negatif bateri anda.

• ALAT TELEKOMUNIKASI



Telefon bimbit amat penting sekiranya berlaku kecemasan. Pastikan anda menyimpan senarai nombor kecemasan seperti polis, trak penunda, waris terdekat dan sebagainya. Talian bebas tol 24 jam SPANCO ialah **1-800-88-6999**.

• KIT KECEMASAN

Pastikan anda mempunyai satu kit kecemasan di dalam kenderaan seperti pemantul cahaya segi tiga kecemasan, peralatan perubatan, lampu suluh, fuis gantian, pemetik api, lilin dan sebagainya.




Akhir sekali jangan berlengah untuk menghubungi SPANCO jika mendapati ada sesesuat yang tidak kena dengan kereta yang anda pandu. Kereta mungkin perlu dibawa ke pusat servis diiktiraf yang berhampiran di mana penasihat servis yang bertauliah boleh memeriksa sama ada kereta anda selamat atau tidak untuk dipandu di jalan raya.

Statistik Kemalangan Fleet: KADAR MASIH TINGGI

JUMLAH kes dan kos kemalangan yang membabitkan Fleet Kerajaan Persekutuan pada 2006 didapati meningkat sedikit berbanding 2005 walaupun angka sebelum itu menunjukkan penurunan sejak 2002.

- Jumlah keseluruhan kes kemalangan dalam 2006 adalah 1,964 kes (2005 : 1,701 kes) dengan kos tuntutan dan pembaikan kemalangan sebanyak RM6.8 juta (2005 : RM6.6 juta).

Kadar Kemalangan Fleet Kerajaan Persekutuan Berbanding Peringkat Kebangsaan (2002 - 2006)




Sumber: JPJ, PDRM

- Purata kos tuntutan insurans dan membaiki kemalangan adalah RM3,465 bagi setiap kes pada 2006 berbanding RM3,858 pada 2005.
- Kadar kemalangan, iaitu jumlah kemalangan berbanding jumlah fleet, meningkat kepada 35.13% bagi keseluruhan 2006 berbanding 33.42% bagi 2005.
- Kemalangan sendiri merupakan jenis kemalangan tertinggi dari segi jumlah kes dan kos membaik pulih iaitu masing-masing sebanyak 1,295 dan RM2.2 juta.
- Sebanyak enam (6) kes kecurian dilaporkan dalam 2006 di mana empat (4) kereta telah dijumpai semula.
- Purata membaiki kerosakan kemalangan sendiri adalah RM1,694 bagi setiap kes.

ANALISIS KEMALANGAN MENGIKUT JENIS


NO.	JENIS KEMALANGAN	TAHUNAN 2006	
		JUMLAH KES	JUMLAH (RM'000)
1	Kemalangan Sendiri	1,295	2,194
2	Kerosakan Harta Pihak Ketiga	198	1,298
3	"Knock for knock"	182	866
4	Kemalangan di tempat Memakir	117	403
5	Kena Langgar	113	608
6	Langgar Binatang	27	185
7	Lupus	17	904
8	Kecurian (Lupus)	6	319
9	Kecederaan Pihak Ketiga	5	13
10	Kecurian (Aksesori)	3	4
11	Kematian melibatkan Pihak Ke-3	1	12
	JUMLAH	1,964	6,806



Saman:

KESALAHAN HAD LAJU MASIH BERLELUASA

Analisis Saman PDRM Yang Tertunggak (2002 - 2006)



	2002	2003	2004	2005	2006
Jumlah Saman PDRM	4,556	11,749	22,655	34,093	39,738
Saiz Fleet	4,540	4,750	4,951	5,089	5,591

KESALAHAN memandu melebihi had laju yang dibenarkan masih merupakan kesalahan paling banyak dicatatkan oleh Fleet Kerajaan Persekutuan.

Ini terbukti apabila sejumlah 37,483 daripada 39,738 saman PDRM yang belum diselesaikan adalah untuk kesalahan tersebut.


- Jumlah saman tertunggak setakat 31 Disember 2006 adalah 42,328 saman (2005 : 36,284 saman tertunggak).
- Walaupun beberapa taklimat dan perbincangan telah diadakan bersama pelanggan, jumlah saman masih membimbangkan. Bagaimanapun, terdapat Kementerian/Jabatan yang berusaha untuk menyelesaikan saman tertunggak.
- Saman atas kesalahan memandu melebihi had laju mendominasi jumlah kes tertinggi iaitu 94.3% dari jumlah keseluruhan saman.



ANALISIS SAMAN PDRM DAN MAJLIS PERBANDARAN BAGI 2006

	PDRM	MAJLIS PERBANDARAAN	JUMLAH
Saman Tertanggung (Dis 2005)	34,093	2,191	36,284
Saman Baru	12,531	457	12,988
Selesai	(6,886)	(58)	(6,944)
JUMLAH (DIS 2006)	39,738	2,590	42,328

Peratus Pecahan Saman Keseluruhan (2006)



MEMBIMBANGKAN... Daripada keseluruhan jumlah saman, 94.3% atau 37,483 saman adalah untuk kesalahan had laju.

KENALI UNDANG-UNDANG

AKIBAT pemanduan yang tidak bertanggungjawab, nyawa terancam, kerosakan yang dialami menelan belanja yang banyak serta amat mengecewakan dan sebagainya. Tapi apakah hukumannya dari segi perundangan? Di sini, disenaraikan dua kesalahan jalan raya serta hukumannya yang patut disedari setiap warganegara.

I.	<p>Kesalahan: Memandu dengan melulu dan membahayakan sehingga menyebabkan kematian</p> <p>Seksyen/ Kaedah Kesalahan: Seksyen 41</p> <p>Seksyen/ Kaedah Hukuman: Seksyen 41</p> <p>Kadar Kompaun: Mahkamah</p> <p>Kadar Mahkamah: Penjara Mandatori 2 hingga 10 tahun dan denda RM500 hingga RM2,000 dan digantung lesen memandu bermula dari tarikh di mahkamah sehingga kes diputuskan ke penjara.</p>
II.	<p>Kesalahan: Memandu dengan melulu dan membahayakan (tidak melibatkan kematian).</p> <p>Seksyen/ Kaedah Kesalahan: Seksyen 42</p> <p>Seksyen/ Kaedah Hukuman: Seksyen 42</p> <p>Kadar Kompaun: Mahkamah</p> <p>Kadar Mahkamah: Penjara mandatori sekurang-kurangnya satu (1) hari tetapi tidak lebih lima tahun dan denda RM500 hingga RM15,000. Kesalahan berikutnya dipenjarakan tidak lebih 10 tahun dan denda RM10,000 hingga RM20,000.</p>

(sumber: Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Kementerian Pengangkutan Malaysia)

Ops Sikap XII berjaya kurangkan kematian

BUAT pertama kali dalam tiga tahun, Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhasil menangani peningkatan angka kematian jalan raya semasa sambutan Tahun Baru Cina.

Ini berikutan kejayaan PDRM mengurangkan kematian sebanyak 19 kes pada Ops Sikap XII yang lalu berbanding Ops Sikap X sebelum ini walaupun dengan jumlah peningkatan kemalangan sebanyak 1,777 kes.

Kejayaan turut dicapai walaupun pada awalnya sebanyak 55 kes kematian direkodkan hanya selepas tiga hari operasi berkuat kuasa.

Tiada kematian dicatatkan di kalangan pemandu dan penumpang bas ekspres selain tiada kemalangan tragis yang melibatkan seseorang keluarga berlaku sepanjang operasi dari 11 hingga 25 Februari yang lalu itu.

Kematian di kalangan penunggang dan pembonceng motosikal masih tertinggi, tetapi berjaya dikurangkan sebanyak 27 kes daripada 148 kematian yang dicatatkan pada sambutan Tahun Baru Cina tahun lalu.

Secara keseluruhan sebanyak 207 nyawa terkorban sepanjang operasi berjalan di mana 121 daripadanya adalah penunggang dan pembonceng motosikal, 43 adalah pemandu dan penumpang kereta, 20 pejalan kaki, 8 lain-lain kenderaan, 6 lori, 6 penunggang basikal dan 3 van.

Daripada 191 kemalangan maut yang dilaporkan, 49 kes iaitu yang terbanyak adalah melibatkan pemandu hilang kawalan. Ia diikuti oleh kemalangan semasa cuba memotong atau menukar lorong (35 kes) dan terbabas ke laluan lain (31).

Manakala bagi kemalangan maut yang membabitkan motosikal pula, 34 didapati tidak mempunyai lesen yang sah dan 27 tidak menggunakan topi keledar.

PDRM turut mengeluarkan 185,966 saman di seluruh negara di mana setengah daripadanya adalah untuk kesalahan memandu melebihi had laju. Selain itu, 85 daripada 3,426 pengguna jalan raya yang menjalani ujian air kencing didapati positif dadah.

PDRM menyifatkan matlamat kempen untuk mengurangkan angka nahas jalan raya semasa sambutan perayaan telah dicapai apabila secara purata 12 kematian dicatatkan dalam Ops Sikap XII berbanding 17 pada hari biasa.

Daripada 191 kemalangan maut yang dilaporkan, 49 kes iaitu yang terbanyak adalah melibatkan pemandu hilang kawalan.

Ketua Pasukan Trafik Bukit Aman, Datuk Nooryah Md. Anwar mengangap kejayaan itu sebagai hasil tindakan tegas penguatkuasaan PDRM dan anggotanya yang telah bertungkus-lumus saban hari sepanjang 15 hari operasi dilaksanakan.

Secara ringkas, PDRM telah menyempurnakan beberapa pendekatan yang berkesan antaranya:

- Memperbanyakkan sekatan dan pemeriksaan terhadap pengguna jalan raya.
- Menumpukan usaha kepada golongan yang paling berisiko iaitu penunggang dan pembonceng motosikal.
- Menempatkan anggota beruniform di dalam bas

PDRM turut memperakui peranan pihak media dalam meningkatkan kesedaran orang ramai melalui penyiaran berita kemalangan dan kematian jalan raya.

Dalam pada itu, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pula mendedahkan, kesalahan tidak memiliki lesen memandu merupakan kesalahan yang paling banyak direkodkan oleh jabatan itu.

Pengarah Penguatkuasa JPJ, Encik Salim Parlan berkata, lebih 4,500 kes atau 28 peratus daripada keseluruhan kesalahan yang direkodkan JPJ semasa operasi itu membabitkan pemandu yang tidak berlesen.

STATISTIK PERBANDINGAN OPS SIKAP

	Ops Sikap X (23 Jan - 6 Feb 2006)	Ops Sikap XII (11-25 Feb 2007)
Jumlah Kemalangan	13,153	14,930
Kemalangan maut	205	192
Kematian	226	207
Saman	159,870	185,966

(sumber: PDRM)

TABIAT BURUK yang perlu dijauhi oleh para pemandu baru

SEBENARNYA mendapat lesen memandu bukan bererti tamatnya segala pembelajaran tentang cara pemanduan yang betul. Enam bulan pertama selepas menerima lesen memandu adalah tempoh penting dalam membina amalan pemanduan yang selamat bagi pemandu-pemandu baru.

Kebanyakan pemandu baru selalunya dibiarkan berseorangan tanpa panduan selepas mereka mendapat lesen. Ini adalah satu kesilapan besar. Pemandu yang baru sahaja mendapat lesen sebenarnya masih mentah dan hanya mempunyai kemahiran yang asas sahaja. Tanpa nasihat dan pengawasan daripada ibu bapa, pemandu baru kebiasaannya akan mengumpulkan tabiat buruk selepas setahun mendapat lesen mereka.

Penyelesaian terbaik kepada masalah ini ialah membantu mereka meneruskan pembelajaran dari segi teknik dan strategi pemanduan selamat semasa tahun pertama dan tahun-tahun seterusnya. Pengawasan semasa tahun-tahun awal memandu memberikan faedah yang besar dalam membentuk pemandu baru terutama remaja menjadi lebih selamat.

Satu lagi tempoh peningkatan risiko ialah selepas 18 bulan hingga dua tahun apabila kemahiran dan pengalaman yang ada boleh menyebabkan mereka merasa terlalu yakin. Dalam tempoh itu pemandu menjadi semakin kurang memberikan perhatian terhadap tugas memandu mereka. Seseengah tabiat yang diamalkan adalah baik namun banyak juga yang boleh mendatangkan bahaya.

Tabiat buruk yang perlu dijauhi

Tabiat-tabiat berikut mula diikuti sebaik sahaja selepas mendapat lesen, dan jika ia dibiarkan berlarutan boleh mendatangkan masalah yang lambat laun menjadi penyebab kemalangan. Antaranya ialah:


- Tidak memberi isyarat.
- Membelok secara sambil lewa, terutamanya ke kanan yang memasuki laluan pemandu lain.
- Tidak memeriksa kehadiran kenderaan belakang semasa menukar laluan.
- Mengekori kenderaan lain terlalu rapat.
- Terlupa untuk mengurangkan kelajuan semasa menghampiri kawasan bahaya (ini adalah penyebab utama kemalangan).
- Bertukar kelajuan atau arah secara tiba-tiba dan tidak dijangka oleh pemandu lain.
- Mengundur kenderaan ke belakang tanpa menoleh dan memeriksa betul-betul.
- Melanggar lampu isyarat kuning.
- Berangan-angan dan tidak menumpukan perhatian terhadap pemanduan.
- Semakin tidak mengendahkan had laju, papan tanda berhenti dan peraturan jalan raya yang lain.
- Sikap sambil lewa sebelum memulakan pemanduan (ingat, sikap sebelum memandu menentukan 'tempo' pemanduan dan ia penting dari segi persediaan mental).
- Tidak menghiraukan masalah

yang dihadapi oleh pemandu lain di jalan raya (contohnya pemandu yang ingin bertukar atau memasuki laluan).

Keadaan jalan raya juga mempunyai banyak perangkap yang boleh menjerat pemandu yang leka. Antaranya ialah selekoh yang nampak mudah, isyarat lampu merah yang kelihatan masih jauh serta pancaran cahaya yang mengabui deria pemandu. Pemandu-pemandu yang masih 'mentah' biasanya terdedah kepada 'perangkap' ini dan mereka wajar diberikan peringatan oleh ibu bapa demi keselamatan mereka serta pengguna jalan raya yang lain.

Pengawasan semasa tahun-tahun awal memandu memberikan faedah yang besar dalam membentuk pemandu baru terutama remaja menjadi lebih selamat.

BAHAYA... Sifat terlalu yakin di kalangan pemandu remaja boleh menyebabkan kemalangan apabila mereka semakin kurang memberi tumpuan.



EKSPERIMEN... Pengeluar kereta juga akan mendapat manfaat daripada penyelidikan MIROS dari segi ciri reka bentuk yang lebih selamat.

MIROS

Mula Beroperasi

INSTITUT Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) yang diilhamkan hampir 20 tahun lalu, akhirnya mula beroperasi pada Januari 2007 yang lalu. Sekali gus ia menjadi institut kajian keselamatan jalan raya yang pertama di Asia Tenggara serta yang ketiga di rantau Asia-Oseania selepas Jepun dan Australia.

Menteri Pengangkutan Dato' Sri Chan Kong Choy mengumumkan keputusan untuk menubuhkannya pada tahun lepas. Tugas pertama MIROS ialah mengurangkan kadar kematian sebanyak 50% dalam masa empat tahun. Matlamat ini dibantu oleh geran awal daripada Kerajaan berjumlah RM50 juta.

Di samping itu, pakar keselamatan jalan raya Malaysia iaitu Prof. Dr. Radin Umar Radin Sohadi telah dilantik untuk mengetuai institut sebagai ketua pengarahnya yang pertama.

MIROS akan dihubungkan dengan institut kajian keselamatan jalan raya terulung negara lain seperti Lembaga Penyelidikan Jalan Australia (ARRB), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Kebangsaan Belanda (SWOV), Institut Penyelidikan Keselamatan Pengangkutan Kebangsaan Perancis (INRETS), Institut Penyelidikan Jalan dan Pengangkutan Kebangsaan Sweden (VTI) serta Makmal Penyelidikan Pengangkutan, United Kingdom.

Pusat-pusat penyelidikan itu telah bersetuju untuk mengadakan kerjasama dengan MIROS termasuk menawarkan capaian kepada pelbagai data yang terkumpul melalui kajian mereka.

Penubuhan MIROS merupakan sebahagian daripada pelan induk empat tahun Kerajaan untuk keselamatan jalan raya (2006-2010) yang menggariskan sembilan strategi dengan 52 program bagi mengurangkan kadar kemalangan sebanyak 50 peratus.

Penubuhan MIROS merupakan sebahagian daripada pelan induk empat tahun Kerajaan untuk keselamatan jalan raya (2006-2010)

Matlamat Kerajaan ialah untuk mengurangkan kematian akibat kemalangan daripada 4.2 kematian setiap 10,000 buah kenderaan yang ditanggung sekarang kepada dua kematian setiap 10,000 buah kenderaan menjelang tahun 2010.

Ketua Pengarah MIROS, Prof. Dr. Radin telah lama melibatkan diri dalam kajian keselamatan jalan raya di Malaysia dan kepakaran beliau kerap diminta oleh pihak Kerajaan dan juga agensinya. Menurut beliau bidang kajian MIROS akan terbahagi kepada empat iaitu:

- Keselamatan Kenderaan
- Kejuruteraan dan Perancangan Lalu Lintas
- Tingkah Laku Manusia
- Pengurusan Trauma

MIROS bakal memiliki simulator, kemudahan ujian pelanggaran dan kemudahan lain untuk kajian. Ia juga akan mempunyai capaian kepada pelbagai penerbitan terkemuka dunia serta data terkini tentang keselamatan jalan raya.

Institut kajian ini turut memberikan tumpuan kepada pengurusan pasca trauma seperti Kajian Penjagaan Trauma, Epidemiologi Kecelakaan, Kecergasan Perubatan, Respons Awal dan Pemulihan Semula Pasca Kecelakaan.

Menurut Prof. Dr. Radin, pihaknya berharap semua usaha yang bakal dilaksanakan dapat menyediakan cara pengurusan yang lebih baik untuk mangsa kemalangan dan memberi lebih tumpuan kepada program pemulihan semula mangsa.

Penubuhan institut ini bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada agensi Kerajaan tetapi juga sektor awam seperti pengeluar kenderaan dari segi reka bentuk kereta yang lebih selamat. Prof. Dr. Radin berkata MIROS akan berupaya mengeksport kepakarannya pada masa akan datang kerana kelebihannya dalam menjalankan kajian yang lebih sesuai untuk persekitaran rantau ini.

(sumber: BERNAMA)

Untuk Bantuan Kecemasan, Khidmat Tunda dan Khidmat Nasihat, sila hubungi kami di

Talian BEBAS TOL
1-800-88-6999

24 JAM

Lebih 200 pusat servis di seluruh Malaysia disediakan untuk pelanggan SPANCO.



▲ Pusat Servis Wilayah - 2

● Pusat Servis Diiktiraf - >200



PENGURUSAN FLEET PROFESIONAL



Ribuan mati dilanggar dari belakang.



Jalan Menghadapi Trafik. Anda Mampu Mengubahnya.



Jika anda tidak dapat lihat kenderaan yang mendatangi, anda tidak mampu mengagak bahaya – sehinggalah ia tiba – dan ketika itu sudah terlambat. Melainkan anda ada mata di belakang kepala, amalkan bedjan menghadap lalu lintas. Layari www.PanduCerah.org.my untuk mengetahui lebih lanjut.



Kementerian Pengangkutan, Malaysia